KARANGAN - TAHUN 5

Arahan : Isikan tempat kosong dengan jawapan yang betul.

Tajuk: **Kebaikan menonton televisyen**

buku	mengeratkan
mengisi	televisyen
rumah	mengelakkan
murid	pendidikan
hal	maklumat

Televisyen merupakan sejenis media elektronik yang memainkan peranan penting dalam kehidupan kita. Dewasa ini, hampir setiap rumah mempunyai sebuah 1. _____.

Menonton televisyen boleh memberi banyak kebaikan kepada kita. Melalui televisyen, para penonton boleh mendapat 2. _____tentang ramalan cuaca. Kita boleh membuat persediaan awal bagi menghadapi bencana-bencana yang diramalkan akan berlaku. Selain itu, rancangan berita yang disiarkan melalui televisyen membolehkan kita mengetahui 3. _____ ehwal semasa yang berlaku di dalam mahupun di luar negara. Kita akan menjadi lebih peka terhadap perkembangan semasa.

Dalam pada itu, para 4. _____ boleh menambahkan pengetahuan melalui rancangan berunsurkan 5._____ yang disiarkan melalui televisyen. Murid-murid tidak akan berasa bosan

LIVEWORKSHEETS

dengan hanya membaca 6. _____ sahaja. Di samping itu, kita boleh 7. _____ masa lapang kita dengan menonton televisyen di 8. _____. Di samping melapangkan fikiran, kita boleh 9. _____ hubungan kekeluargaan. Kita juga dapat 10. _____ diri daripada terjebak dalam aktiviti-aktiviti yang tidak sihat seperti merokok dan melepak.

Televisyen sememangnya berguna dan penting kepada kita. Kita hendaklah pandai memilih rancangan televisyen yang sesuai dan memanfaatkan kita.

(10 markah)

LIVEWORKSHEETS